

KUMPULAN SYARIKAT MITRALAND

syarikat-syarikat dalam/berkaitan dengan Kumpulan Syarikat Mitraland

Date : 29hb Januari 2014

Tuan/Puan,

**PER : AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010
MENGUMPUL, PEMROSESAN DAN PENGGUNAAN DATA PERIBADI**

Kami merujuk kepada perkara diatas.

Untuk makluman tuan/puan, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] telah berkuatkuasa bermula 15hb November 2013.

Dengan penguatkuasaan Akta 709, kami tidak dibenarkan memproses dan mengguna data peribadi tuan/puan untuk memaklumkan tuan/puan tentang perancangan produk terkini/tawaran terbaru kami tanpa persetujuan bertulis daripada tuan/puan terlebih dahulu.

Sebagai pelanggan kami yang dihargai atau pihak yang telah berdaftar dengan kami, kami ingin terus memaklumkan kepada tuan/puan berhubung perancangan produk terkini/tawaran terbaru kami agar tuan/puan tidak terlepas peluang berkenaan perancangan produk terkini/tawaran terbaru kami, seperti diskaun "*early bird*" dan promosi diskaun/potongan lain-lain.

Untuk membolehkan kami terus memaklumkan tuan/puan tentang perancangan produk terkini/tawaran terbaru, kami mohon untuk mendapatkan persetujuan bertulis tuan/puan untuk membenarkan kami memproses dan mengguna data peribadi tuan/puan yang telah diberikan kepada kami semasa tuan/puan membeli hartanah kami/mendaftar dengan kami, data peribadi tuan/puan seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat, pekerjaan dan maklumat di mana pihak tuan/puan dapat dihubungi.

Kami memberi jaminan bahawa data peribadi tuan/puan akan disimpan oleh kami dengan selamat, secara sulit dan rahsia, tidak akan didedahkan kepada pihak ketiga yang tidak sah dan hanya digunakan oleh kumpulan syarikat kami /syarikat yang berkaitan dengan kumpulan syarikat kami, bagi tujuan memaklumkan tuan/puan berkenaan perancangan produk terkini/tawaran terbaru kami.

Dibawah Akta 709, tuan/puan berhak untuk memohon akses kepada data peribadi tuan/puan yang disimpan oleh kami dan berhak untuk meminta kami mengemaskini dan/atau membetulkan data yang disimpan oleh kami.

Persetujuan yang diberikan oleh tuan/puan dan pemberian data peribadi tuan/puan kepada kami adalah atas dasar sukarela dan tuan/puan boleh menarik balik persetujuan pada bila-bila masa dengan menghubungi kami di alamat surat-menyurat kami. Tuan/Puan juga berhak untuk menentukan had penggunaan data peribadi tuan/puan.

Jika tuan/puan ingin menarik balik kebenaran untuk tujuan yang dinyatakan di atas dan untuk menghentikan penerimaan surat-menyurat selepas ini dari kami, sila hantarkan ke alamat di bawah untuk menarik balik kebenaran tuan/puan:

Mitraland Group of Companies

Mitraland Group

D-28-01

Menara Mitraland

No13A, Jalan PJU 5/1

Kota Damansara PJU 5

47810 Petaling Jaya

Selangor, Malaysia

Alamat E-mel: enquiries@mitraland.com.my

Terima kasih.

Yang benar,

MITRALAND GROUP OF COMPANIES

Ini adalah cetakan computer. Tiada tandatangan diperlukan.